



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld.3 (87)

Tarikh: 23 Jun 2017

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2017

GARIS PANDUAN NILAI DAN ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL BAGI
GURU DAN MURID

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini memaklumkan pelaksanaan Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial bagi Guru dan Murid.

LATAR BELAKANG

2. Rentetan daripada isu kegiatan eksploitasi kanak-kanak dan penyalahgunaan media sosial dalam kalangan guru dan murid, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan bahawa satu Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial bagi Guru dan Murid perlu disediakan.

3. Penyediaan **Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial bagi Guru dan Murid** bertujuan mengelakkan penyalahgunaan media sosial yang membawa kepada pelbagai keburukan terutamanya dalam penyebaran fitnah dan perkongsian maklumat yang kurang tepat.

4. **Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial bagi Guru dan Murid** telah diluluskan dalam Mesyuarat Profesional KPM Bil.02/2017 pada 12 Januari 2017.

PELAKSANAAN

5. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah memastikan **Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial bagi Guru dan Murid** dipatuhi bagi mengawal penggunaan media sosial dalam kalangan guru dan murid.

6. Garis panduan seperti yang dilampirkan menjelaskan tatacara umum pemilihan kandungan media sosial untuk tujuan rasmi, etika penggunaan media sosial oleh guru dan murid serta peraturan dan perundangan berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.


TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
 3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
 8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
 9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

GARIS PANDUAN NILAI DAN ETIKA PENGUNAAN

MEDIA SOSIAL

BAGI GURU DAN MURID





Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

KATA ALU-ALUAN

Era globalisasi menuntut masyarakat menjadi celik teknologi supaya seiring dengan perkembangan zaman yang berkembang pesat. Teknologi memberikan impak yang besar kepada masyarakat terutamanya guru dan murid.

Bidang pendidikan sememangnya memerlukan kemudahan teknologi seperti yang dinikmati sekarang kerana proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) masa ini tidak terhad berlaku di sekolah. Konsep maklumat di hujung jari membolehkan PdP dijalankan di pelbagai tempat dan tanpa mengira waktu.

Walau bagaimanapun, medium jaringan jalur lebar tanpa sempadan ini boleh mendatangkan kesan negatif sekiranya tidak dikawal selia dengan baik. Penyediaan garis panduan ini diharap dapat mengelakkan berlakunya penyalahgunaan dan salah etika dalam kalangan guru dan murid apabila menggunakan media sosial sebagai medium penyampaian maklumat.

Akhir kata, warga guru dan murid diharapkan dapat menggunakan medium penyampaian maklumat tanpa sempadan ini secara berhemah bagi memastikan maklumat yang disampaikan terus menaikkan imej dan kredibiliti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

PRAKATA

Masyarakat dunia termasuk Malaysia kini mempunyai gaya hidup berteraskan digital dan media sosial yang berkembang pesat. Saluran komunikasi secara dalam talian membolehkan penyebaran dan perkongsian maklumat dilakukan dengan cepat dan meluas. Dengan kemudahan maklumat yang dimuat naik oleh pengguna akan diterima begitu cepat, media sosial telah bertukar menjadi satu wahana yang efektif jika digunakan dengan cara yang betul dan berhemah.

Pengamal dan pengguna media sosial perlu memastikan setiap perkara yang dilaporkan dan dikongsi di laman sosial memberi impak positif dan tidak menjejaskan reputasi mana-mana pihak. Sehubungan dengan itu, penyebaran dan perkongsian maklumat di media sosial yang sering berlaku secara *instantaneous* dan terbuka hendaklah dilakukan dengan teliti berdasarkan garis panduan atau tatacara yang ditetapkan.

Dalam era dunia tanpa sempadan ini, pemerolehan maklumat melalui media sosial dapat membantu golongan guru dan murid memperoleh informasi semasa yang bermanfaat. Guru dan juga murid perlu mempunyai rasa tanggungjawab dalam penggunaan media sosial sama ada dalam urusan rasmi ataupun peribadi.

Oleh yang demikian, dengan adanya garis panduan nilai dan etika penggunaan media sosial bagi guru dan murid dapat mengelakkan dan memastikan setiap maklumat yang ingin dikongsi adalah tepat dan tidak menjejaskan kepentingan awam yang boleh memudaratkan dan mengancam keselamatan diri.



GARIS PANDUAN NILAI DAN ETIKA PENGUNAAN MEDIA SOSIAL BAGI GURU DAN MURID

KANDUNGAN



Tujuan	>	4
Pendahuluan	>	4
Tafsiran	>	4
Memanfaatkan Penggunaan Media Sosial	>	5
Tatacara Umum Pemilihan Kandungan Media Sosial untuk Kegunaan Rasmi	>	6
Etika Penggunaan Media Sosial oleh Guru	>	6
Etika Penggunaan Media Sosial oleh Murid	>	7
Penggunaan Akaun Peribadi Media Sosial	>	8
Peraturan dan Perundangan	>	8
Rujukan	>	9

1. Tujuan

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara, peraturan dan kawalan kandungan media sosial yang perlu dipatuhi oleh guru dan murid supaya:

- penyebaran dan perkongsian maklumat terkawal;
- maklumat yang dipaparkan tidak menjejaskan kepentingan perkhidmatan awam dan kedaulatan negara;
- isu salah laku dan penyebaran maklumat tidak beretika di media sosial dapat dielakkan;
- maklumat yang disampaikan adalah jelas dan tepat; dan
- kesejahteraan sistem pendidikan di Malaysia terpelihara.

2. Pendahuluan

Penggunaan media sosial seperti blog, Facebook, YouTube, Twitter dan Instagram tidak sekadar menjadi ruangan sembang kosong atau hanya untuk meluangkan masa lapang tetapi telah menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat tidak kira golongan remaja, dewasa mahupun pemimpin.



3. Tafsiran

Dalam garis panduan ini, tafsiran yang diguna pakai adalah seperti yang berikut :

- buli siber (cyberbully)** merujuk perbuatan yang boleh memberi kesan negatif seperti trauma, gangguan emosi, gangguan fizikal, menjatuhkan maruah diri dan mengancam keselamatan individu lain melalui media sosial;
- etika** merujuk tanggungjawab dan akibat tingkah laku seseorang atau profesion terhadap masyarakat;
- gangguan siber (cyberharassment)** merujuk gangguan berbentuk tingkah laku yang dapat menyiksa, mengancam atau mengganggu individu lain;
- guru** merujuk seseorang yang (i) mengajar murid di sesuatu institusi pendidikan; atau (ii) menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan di bagi atau melalui pusat pendidikan jarak jauh termasuklah guru besar atau pengetua;
- institusi pendidikan** merujuk sekolah atau mana-mana tempat lain, iaitu dalam menjalankan kerja sesuatu organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar, sama ada di dalam satu kelas atau lebih, dan termasuklah tadika dan pusat pendidikan jarak jauh





tetapi tidak termasuk (i) mana-mana tempat iaitu pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata; atau (ii) mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta sebagai bukan institusi pendidikan bagi maksud Akta ini;

- f. **intipan siber (cyberstalking)** merujuk kepada perbuatan mengintip dan menyelidik segala maklumat dan aktiviti individu lain menggunakan komunikasi elektronik dalam komuniti maya dan rangkaian media sosial bertujuan untuk mengancam dan mengganggu individu tersebut;
- g. **jawatan dalam perkhidmatan** awam merujuk sesuatu jawatan atau pekerjaan dalam atau di bawah sesuatu perkhidmatan awam;
- h. **maklumat** merujuk teks, cerita, berita, klip video, infografik, gambar, imej dan lain-lain;
- i. **media sosial** merujuk saluran komunikasi secara dalam talian yang membolehkan penggunaannya mencipta, berkongsi, dan/atau bertukar maklumat atau memberi pendapat dalam komuniti maya dan rangkaian media sosial (Contoh: Facebook, Tweeter, Snapchat, WhatsApp, Viber, WeChat, Bee Talk, Skype, Telegram, Flickr, Instagram, You tube, Soundcloud, Spotify, Smule, Blogspot, Wordpress dan Scribd);
- j. **murid** merujuk seseorang tanpa mengira umurnya yang kepadanya pendidikan atau latihan sedang diberikan di sesuatu institusi pendidikan;
- k. **nilai** merujuk kepercayaan yang mendorong seseorang atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan kepada nilai-nilai utama masyarakat seperti sejarah, ilmu kebijaksanaan, keadilan, dan iktidal (*temperance*);
- l. **pegawai awam** merujuk seseorang yang memegang sesuatu jawatan atau pekerjaan dalam atau di bawah sesuatu perkhidmatan awam;
- m. **perbincangan** merujuk interaksi dua hala dalam kalangan guru dan murid; dan
- n. **tata etika** merujuk aturan atau peraturan bagi prinsip moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia;

4. Memanfaatkan Penggunaan Media Sosial

Setiap minit, berpuluh-puluh video dimuat naik ke dalam *YouTube* manakala berjuta-juta orang pula menggunakan *Facebook*, *tweet* dalam *Twitter* dan memuat naik gambar di *Instagram*. Mereka lebih senang melawat dan menggunakan media sosial berbanding melawat laman sesawang agensi kerajaan. Oleh yang demikian, medium ini perlu digunakan secara bijak dan terkawal.

Media sosial boleh menjadi saluran maklumat pendidikan yang efisien dan pantas. Media sosial membolehkan agensi menyampaikan dan mendapatkan maklum balas daripada orang awam dan pemegang amanah terhadap penerimaan dasar, program dan perkhidmatan agensi. Media sosial menyediakan kaedah pengurusan kandungan yang mudah. Pentadbir media sosial boleh memuat naik maklumat dalam pelbagai format seperti video, audio, gambar dan dokumen. Pengguna media sosial akan mendapat penjelasan dan gambaran terhadap sesuatu isu secara visual maya.



5. Tatacara Umum Pemilihan Kandungan Media Sosial Untuk Kegunaan Rasmi

Tatacara berikut perlu dipatuhi semasa memilih kandungan media sosial untuk kegunaan rasmi insitituti pendidikan oleh guru dan murid:

- a. **Pengesahan Maklumat**
Maklumat perlu tepat, sahih dan tidak mempunyai unsur fitnah.
- b. **Muat Naik Bahan**
Bahan-bahan rasmi yang hendak dimuat naik hendaklah disemak dan mendapat pengesahan/kelulusan daripada ketua jabatan di institusi pendidikan. Walau bagaimanapun, bahan rasmi yang diambil daripada portal seperti Portal VLE Frog atau Portal Data yang hendak dimuat naik tidak perlu disemak dan disahkan sekiranya tiada penambahan maklumat kerana bahan rasmi tersebut telah mendapat kelulusan ketua jabatan terlebih dahulu sebelum dimuat naik ke portal.
- c. **Perbincangan Awam**
Perhatian perlu diberi terhadap setiap komen/pernyataan atau maklumat yang dikongsi di media sosial bagi menjaga imej dan rahsia Kerajaan.

6. Etika Penggunaan Media Sosial Oleh Guru

- a. Guru boleh memanfaatkan penggunaan media sosial secara positif untuk tujuan:
 - i. meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bagi menambah baik kualiti sistem pendidikan;
 - ii. membolehkan warga pendidik berkomunikasi secara pantas tanpa sempadan dengan pemegang taruh untuk memastikan keputusan serta tindakan dapat dilaksanakan dengan segera; dan
 - iii. menghubungkan guru dengan kumpulan sasaran secara meluas daripada pelbagai latar belakang sama ada yang berada di dalam atau di luar negara bagi meningkatkan sistem penyampaian pendidikan.
- b. Sekiranya terdapat kesilapan pada sebarang maklumat yang telah dihebahkan, hendaklah sebaik-baiknya mengakui pada umum, membuat pembedulan dan memohon maaf kepada pihak yang berkaitan secara terus dalam laman sosial yang terlibat.
- c. Guru **dilarang** menggunakan media sosial untuk tujuan:
 - i. mendedahkan maklumat rasmi yang terkandung dalam dokumen sulit/dokumen terhad kerajaan kepada pihak umum;
 - ii. memberikan atau berkongsi komen negatif tentang isu-isu yang melibatkan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia, kepimpinan sekolah dan rakan sekerja;
 - iii. membuat sebarang pernyataan yang menyentuh perkara yang boleh menjejaskan imej dan dasar Kerajaan, maklumat berbentuk fitnah, hasutan dan lucah atau cuba memprovokasikan sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan undang-undang atau perkara yang menyentuh sensitiviti individu atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan suasana yang tidak harmoni;





- iv. menyebarkan maklumat yang tidak sahih;
- v. menyebarkan hasil kerja guru lain atau kerja murid yang boleh mengaibkan;
- vi. berkongsi kenyataan yang menyentuh isu-isu sensitif politik, agama, kaum dan individu terutama kepada isu yang boleh mengancam keselamatan negara;
- vii. melayan komunikasi dengan pihak yang agresif dan kasar;
- viii. melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh membawa kepada jenayah sosial dan seksual;
- ix. melibatkan diri dengan perniagaan bahan-bahan yang berisiko buruk atau berbahaya;
- x. melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh menjurus kepada *CyberStalking* atau *CyberHarassment*; dan
- xi. menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi semasa waktu pejabat sama ada menerusi peralatan komputer / alat mudah alih yang dibekalkan oleh pejabat / melalui peralatan peribadi.

7. Etika Penggunaan Media Sosial Oleh Murid

- a. Murid boleh memanfaatkan penggunaan media sosial secara positif untuk tujuan:
 - i. meningkatkan pembelajaran bagi menambah baik kualiti sistem pendidikan; dan
 - ii. membolehkan murid berkomunikasi serta mendapatkan maklumat secara pantas dan meluas bagi meningkatkan mutu pembelajaran pendidikan.
- b. Murid **dilarang** menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi pada waktu persekolahan sama ada menerusi peralatan komputer atau alat mudah alih yang dibekalkan oleh sekolah ataupun melalui peralatan peribadi, kecuali atas kebenaran pihak pentadbir sekolah.
- c. Murid boleh menggunakan media sosial secara peribadi di luar waktu persekolahan secara beretika. Walau bagaimanapun, murid **dilarang** menggunakan media sosial untuk:
 - i. mendedahkan maklumat rasmi yang terkandung dalam dokumen sulit/dokumen terhad kerajaan kepada pihak umum;
 - ii. memberikan atau berkongsi komen negatif tentang isu-isu yang melibatkan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia, kepimpinan sekolah dan guru-guru;
 - iii. menyebarkan maklumat yang tidak sahih;
 - iv. berkongsi kenyataan yang menyentuh isu-isu sensitif politik, agama, kaum dan individu terutama kepada isu yang boleh mengancam keselamatan negara;
 - v. melayan komunikasi dengan pihak yang agresif dan kasar;
 - vi. melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh membawa kepada salah laku juvana;
 - vii. melibatkan diri dengan buli siber atau aktiviti yang boleh menjurus kepada *CyberHarassment* atau *CyberStalking*;
 - viii. melibatkan diri dengan ancaman siber seperti kecurian identiti, penyamaran, pornografi (bahan lucah), keganasan; dan
 - ix. memuat naik maklumat peribadi yang boleh membahayakan diri.
- d. Perbuatan atau kelakuan yang dikategorikan sebagai buli siber atau menjurus kepada perbuatan buli siber adalah seperti yang berikut:
 - i. memberi gelaran atau mengejek;
 - ii. menghantar/menggunakan mesej kasar atau kurang sopan;





- iii. menyebarkan pembbohongan atau khabar angin tentang murid lain;
- iv. mengecualikan atau mengabaikan murid lain;
- v. menggodam akaun murid lain;
- vi. memuat naik gambar murid lain yang memalukan;
- vii. memuat naik maklumat sulit tanpa kebenaran; dan
- viii. mengugut atau memaksa murid lain melakukan sesuatu.

8. PENGGUNAAN AKAUN PERIBADI MEDIA SOSIAL

Penggunaan akaun peribadi media sosial dalam kalangan guru dan murid semasa dan di luar waktu persekolahan tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuat kuasa bagi memastikan penggunaan media ini tidak menjejaskan perkhidmatan awam, pegawai awam dan keselamatan murid.



9. PERATURAN DAN PERUNDANGAN

Garis panduan ini terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam, akta dan perundangan yang melibatkan guru sebagai penjawat awam. Prinsip penggunaan media sosial oleh pegawai awam sama ada dalam urusan rasmi ataupun peribadi adalah sama seperti yang terpakai bagi media yang lain. Murid juga tertakluk kepada peraturan disiplin sekolah sedia ada. Akta, peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan etika penjawat awam dan penggunaan media sosial yang perlu dipatuhi adalah seperti yang berikut:

- a. **Akta Rahsia Rasmi 1972;**
- b. **Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;**
- c. **Tatasusila Profesion Perguruan, Malaysia;**
- d. **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;**
- e. **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010;**
- f. **Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU** bertarikh 17 Julai 2009 bertajuk "Pelaksanaan Blog bagi Agensi Sektor Awam";
- g. **Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU** bertarikh 19 November 2009 bertajuk "Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam";





- h. **Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 8 April 2011** bertajuk “Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam”;
- i. **Surat Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam** bertarikh 7 Jun 2013 bertajuk “Tanggungjawab Pegawai Awam dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet”; dan
- j. **Surat Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam** bertarikh 15 Julai 2016 bertajuk “Larangan Membuat Pernyataan Awam oleh Pegawai Awam”.

10. Rujukan

- a. Dasar dan Amalan Terbaik Penggunaan Media Sosial di Sektor Awam, MAMPU.
- b. Garis Panduan dan Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan.
- c. Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial dalam Sektor Awam (MAMPU, 2015).
- d. Tata Etika Penggunaan Media Sosial oleh Warga KKM (2016).
- e. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 10/2016: Garis Panduan Penggunaan Media Sosial dalam Perkhidmatan Penjagaan Pesakit di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- f. Surat Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 7 Jun 2013 bertajuk “Tanggungjawab Pegawai Awam dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet”.
- g. *CyberSafe in Schools: A National Survey Report 2014* oleh CyberSecurity Malaysia dengan Digi.
- h. *Growing Digital Resilience among Malaysian School Children on Staying Safe Online National Survey Report 2015*.
- i. *National Baseline Study on Cyber Security Awareness 2016*.
- j. www.mycert.org.my
- k. www.cybersafe.my
- l. www.cybersecurity.my
- m. <http://www.myhealth.gov.my/cyberbullying/>



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Kementerian Pendidikan Malaysia
2017



Media Sosial

GARIS PANDUAN
NILAI DAN ETIKA PENGGUNAAN

MEDIA SOSIAL

BAGI GURU DAN MURID



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2017

